




SEMAKAN AKTA KOPERASI 1993 [AKTA 502]

EVOLUSI: PERUNDANGAN KOPERASI DI MALAYSIA



Peranan JPK/SKM bermula pada tahun 1922 apabila Kerajaan memberi mandat untuk mengawal selia dan membangunkan gerakan koperasi



**BERMULA 2 JULAI 2018,
HAL EHWAL KOPERASI ADALAH
DI BAWAH TANGGUNGJAWAB
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN (MED)**



MEMPERKASAKAN KOPERASI
SEBAGAI PENYUMBANG UTAMA KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI
NEGARA DENGAN BERTERASKAN PRINSIP DAN NILAI KOPERASI

1

KOPERASI YANG TULEN, BERKUALITI
& *VIBRANT*

2

AMALAN PEMATUHAN
KENDIRI

3

PENGAWALAN & PENGAWALSELIAAN
YANG BERKESAN

KOPERASI SEBAGAI ENTITI PERNIAGAAN BERJAYA

Menyediakan rangka kerja perundangan yang lebih kondusif
bagi menyokong dan menggalakkan pembangunan koperasi

Objektif

Memperkukuhkan tadbir urus koperasi bagi memastikan koperasi boleh menjalankan perniagaan dengan lebih cekap dan berkesan

- 1) Kekal sebagai rangka kerja pengawalseliaan bagi koperasi dan terus mencerminkan ciri keunikan koperasi
- 2) Memastikan koperasi terus kukuh dan teratur menurut prinsip koperasi
- 3) Memastikan tiada *regulatory arbitrage* dalam perlakuan pasaran dan kehendak Syariah

SEMAKAN AKTA KOPERASI 1993 - RINGKASAN

Penambahbaikan Peruntukan:

Penambahbaikan di mana penambahan atau pindaan peruntukan diperlukan untuk menjelaskan hasrat polisi/dasar

Bahagian I: Pendaftaran dan Keanggotaan

1. Mempermudahkan pendaftaran koperasi baharu
2. Memperluaskan skop keanggotaan
3. Keperluan pembaharuan pendaftaran koperasi
4. Pembatalan koperasi tidak aktif dan dorman

Bahagian 2: Tadbir Urus

1. Mengurangkan bilangan minimum ALK dan JAD
2. Keperluan menghadiri kursus bagi pegawai koperasi untuk meningkatkan kompetensi
3. Tugas dan tanggungjawab ALK untuk mematuhi segala perundangan

Bahagian 3 : Pengurusan dan Operasi

1. Modal boleh dijana melalui penerbitan bon atau sukuk atau debentur
2. Penyelarasan semula pengagihan untung bersih teraudit bagi tujuan pencukaaian
3. Pelantikan semula juruaudit

Peruntukan Baharu:

Bidang baharu melalui peruntukan atau bahagian di mana **TIADA DALAM AKTA 502** sedia ada

Bahagian 4: Tadbir Urus Syariah

Bahagian 5: Pelakuan Perniagaan dan Pelindungan Pengguna

Bahagian 6: Kehendak Kerahsiaan

1 : Pendaftaran dan Keanggotaan

HASRAT DASAR

- Mempermudahkan pendaftaran koperasi baharu
- Memperluaskan skop keanggotaan
- Memastikan koperasi terus berdaya saing dan berdaya maju

CADANGAN PINDAAN

1. Bilangan minimum keanggotaan dikurangkan kepada 20 orang;
2. Kelayakan keanggotaan - Membenarkan koperasi menerima badan berkanun atau organisasi yang mempunyai sinergi dengan koperasi menjadi anggota tertakluk kepada kelulusan SKM terlebih dahulu;
3. Keperluan pembaharuan pendaftaran secara tahunan; dan
4. Pembatalan pendaftaran koperasi tidak aktif atau dorman selepas tiga tahun dari tarikh pendaftaran

2 : Tadbir Urus

HASRAT DASAR

- Meningkatkan kepertanggungjawaban statutori bagi pengurusan yang berkesan
- Melahirkan pegawai koperasi yang lebih kompeten, lebih berpengetahuan, berkemahiran serta menghayati prinsip dan falsafah koperasi
- Meningkatkan tahap profesionalisme dalam pengurusan koperasi

CADANGAN PINDAAN

1. Mengurangkan Bilangan Minimum:
 - Ahli Lembaga Pengarah daripada 6 kepada 3 orang; dan
 - Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) dikurangkan daripada 3 kepada 2 orang
2. Keperluan menghadiri kursus bagi pegawai koperasi untuk meningkatkan kompetensi
3. Tugas dan tanggungjawab Ahli Lembaga Koperasi (ALK) untuk mematuhi segala perundangan

3 : Pengurusan dan Operasi

HASRAT DASAR

- Meningkatkan dan memperluaskan akses untuk menjana sumber modal
- Memperluaskan peluang perniagaan untuk koperasi
- Menyelaraskan amalan perakaunan koperasi dengan perundangan semasa

CADANGAN PINDAAN

1. Modal boleh dijana melalui penerbitan bon atau sukuk atau debentur
2. Pengagihan untung bersih teraudit bagi tujuan pencukaian dibuat selaras dengan Akta Cukai Pendapatan 1967
3. Melarang juruaudit yang dibatalkan kelulusannya untuk mengaudit akaun koperasi daripada dilantik semula sebagai juruaudit koperasi bagi tempoh 2 tahun daripada tarikh pembatalannya tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang ditentukan oleh SKM.

4 : Tadbir Urus Syariah

HASRAT DASAR

- Tanggungjawab koperasi yang menjalankan aktiviti dan perniagaan berlandaskan Syariah untuk mematuhi kehendak Syariah
- Seiring dengan perkembangan kewangan Islam dan pertambahan bilangan koperasi yang terlibat dengan aktiviti berlandaskan Syariah

CADANGAN PINDAAN

1. Bahagian ini mengkehendaki koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah mewujudkan jawatankuasa Syariah dan mematuhi prinsip Syariah, nasihat dan arahan SKM
2. Pengawalseliaan ke atas koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah
3. Keperluan koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah untuk mematuhi apa-apa arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM dari semasa ke semasa
4. SKM boleh membuat rujukan kepada Majlis Penasihat Syariah mengenai perkara Syariah, sekiranya ada keperluan, mewakili gerakan koperasi

5: Pelakuan Perniagaan dan Pelindungan Pengguna

HASRAT DASAR

- Melindungi pengguna yang menikmati produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi adalah saksama dan tidak mengelirukan
- Memastikan tidak wujud pelakuan perniagaan yang mengelirukan dan amalan tidak saksama yang dilakukan oleh koperasi
- Memperkukuhkan pelakuan perniagaan dan keperluan pelindungan pengguna untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk dan perkhidmatan koperasi

CADANGAN PINDAAN

1. Membolehkan Suruhanjaya mengadakan konsultasi dengan badan berkuasa berkaitan bagi menentukan standard pelakuan perniagaan kepada koperasi bagi maksud memastikan bahawa koperasi adalah adil, bertanggungjawab dan profesional apabila berurusan dengan pengguna
2. Memperuntukan larangan suatu koperasi untuk terlibat dalam mana-mana pelakuan perniagaan yang dilarang

6: Kehendak Kerahsiaan

HASRAT DASAR

- Keperluan memelihara kerahsiaan dan pendedahan maklumat yang dibenarkan
- Meningkatkan keyakinan umum terhadap tahap kredibiliti sektor koperasi dalam memastikan kerahsiaan data atau maklumat berkaitan transaksi koperasi terjamin dan terpelihara.

CADANGAN BAHARU

1. Mewujudkan peruntukan mengenai tanggungjawab untuk memastikan kerahsiaan berkenaan akaun atau hal ehwal anggota, pemberi deposit, pemiutang atau pelanggan atau orang yang menjalankan transaksi dengan koperasi
2. Maklumat yang didedahkan adalah terhad kepada tujuan pelaksanaan kuasa atau fungsi SKM, maklumat yang diringkaskan, maklumat yang secara sah boleh diakses oleh orang awam atau yang dinyatakan dalam jadual dalam Akta 502 atau maklumat yang dibenarkan didedahkan oleh SKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT



SEMAKAN AKTA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2007 [AKTA 665]

HALA TUJU SEMAKAN AKTA 665

- Memperkasakan sektor koperasi dengan menzahirkan koperasi yang tulen, berkualiti dan *vibrant*
- Meningkatkan keyakinan masyarakat ke atas koperasi
- Merangsang persekitaran yang kondusif kepada koperasi
- Pengawalseliaan yang lebih berkesan
- Meningkatkan sistem penyampaian yang lebih efektif
- Memperkukuhkan kestabilan kedudukan kewangan koperasi

1: Pewujudan Sistem Insurans Deposit Koperasi

SKM boleh mewujudkan Sistem Insurans Deposit untuk melindungi pendeposit sekiranya koperasi mengalami kegagalan.

2: Kuasa untuk mengeluarkan arahan, standard, garis panduan, dll.

Mewujudkan *enabler* dalam Akta bagi SKM mengeluarkan kaedah, perintah, arahan, standard, garis panduan, pekeliling, surat pekeliling atau notis. Pada masa ini SKM mengeluarkan dokumen-dokumen tersebut secara pentadbiran.

3: Pengasingan Kuasa Pengerusi Eksekutif dan Pengerusi Lembaga Pengarah SKM